

Telegrams: "MINLOG KOTA KINABALU"
Fax No.: 088-234076, 236177
Tel. No.: 088-256744
Your Ref.: KKT&P: 100-4/16/(151)
Our Ref.:



KEMENTERIAN KERAJAAN
TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT
AND HOUSING)
Blok C, Tingkat 2-6, Wisma Tun Fuad Stephens
88999 Kota Kinabalu

30 Ogos 2006

Semua Presiden Majlis-Majlis Perbandaran
Pegawai Eksekutif Lembaga Bandaran Kudat
Semua Pegawai Eksekutif Majlis-Majlis Daerah

Y. Bhg Datuk/Tuan

**SURAT PEKELILING (AKAUN) BILANGAN 6 TAHUN 2006
ANUGERAH PENGURUSAN AKAUN TAHUNAN DAN TANGGUNGJAWAB PRESIDEN
/ PEGAWAI EKSEKUTIF BERKAITAN PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN PENYATA
KEWANGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

1. TUJUAN

Surat Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tentang perkara-pekerja yang tersebut di bawah:-

- 1.1 Untuk menghargai dan mengiktirafi PBT yang menunjukkan kecemerlangan, Kementerian ini akan memperkenalkan dua Anugerah Pengurusan Akaun kepada PBT yang terawal menerima Pensijilan Penyata Kewangan Tahunan Tanpa Teguran daripada Jabatan Audit Negara dan PBT yang terawal menyerahkan Penyata Kewangan Tahunan Ringkas (Borang-borang Akaun 1, Akaun 2, Akaun 3 dan Akaun 4) kepada Kementerian ini.
- 1.2 Pegawai Eksekutif/Presiden adalah dikehendaki memasukkan tanggungjawab mematuhi Seksyen 65(1), Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 di dalam Sasaran Kerja Tahunan masing-masing.

2. LATARBELAKANG

Jabatan Audit Negara telah membangkitkan isu kelewatan penyerahan penyata kewangan oleh PBT di Negeri Sabah semasa Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri Bil. 2 Tahun 2006 yang telah diadakan pada 12 Jun 2006 yang lalu. Isu kelewatan penyerahan penyata kewangan ini juga seringkali dibangkitkan dalam forum-forum lain sebelum ini.

PERKHIDMATAN BERKUALITI TERAS PEMBANGUNAN CEMERLANG

KKT&P: 100-4/16/(151)

30 Ogos 2006

(15)

Jabatan Audit Negara telah menggariskan beberapa faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan penyerahan kewangan ini, iaitu:-

- 2.1 Kurang tanggungjawab dan pemantauan oleh Pegawai Esekutif/Presiden terhadap penyediaan penyata kewangan.
- 2.2 Pegawai yang bertanggungjawab mempunyai beban kerja yang berlebihan dan tidak memberi keutamaan terhadap penyediaan penyata kewangan.
- 2.3 Pegawai yang bertanggungjawab tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai penyediaan penyata kewangan dan penyelenggaraan rekod kewangan.
- 2.4 Kelemahan penyelenggaraan dokumen sokongan untuk menyediakan penyata kewangan dan
- 2.5 Tidak mempunyai Pegawai Akaun atau Pegawai Akaun yang berkualiti

Sehubungan dengan itu, Pihak Kerajaan Negeri (melalui Kementerian ini) adalah dikehendaki untuk mengambil perhatian yang serius dan bertindak lebih tegas untuk mengatasi masalah tersebut di atas memandangkan penyata kewangan yang telah diaudit adalah dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan untuk memohon Pemberian Bantuan (Grant-in-Aid) dan Caruman Pemeliharaan Kawasan PBT.

3. TARikh KUATKUASA

Surat Pekeliling ini akan berkuatkuasa dari tahun 2007.

4. PENUTUP

Sekiranya terdapat sebarang kemosykilan/pertanyaan, sila berhubung dengan Akauntan Kanan, Cik Phak Shiu Len melalui telefon 088-256744.

Sekian, harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"


(DATUK UJANG SULANI)
Setiausaha Tetap

f PSL/
11092006